

**STRATEGI PERJUANGAN PARTI *MALAYSIAN CHINESE ASSOCIATION* (MCA)  
DALAM MASYARAKAT CINA, 1958-1969**

***THE STRUGGLE STRATEGY OF THE MALAYSIAN CHINESE ASSOCIATION (MCA)  
IN THE CHINESE COMMUNITY, 1958-1969***

**Lua Zyn Lan\***

**Sivachandralingam Sundara Raja\*\***

**Noraini Mohamed Hassan\*\*\***

**Universiti Malaya, MALAYSIA**

**Abstrak**

Makalah ini akan memperinci strategi perjuangan parti *Malaysian Chinese Association* (MCA) dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh komuniti Cina selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga ambang tragedi 13 Mei 1969. Pada tempoh ini, MCA berhadapan dengan isu pendidikan Cina, bahasa kebangsaan, penubuhan Malaysia dan Universiti Merdeka. Tiga pemimpin MCA iaitu Lim Chong Eu, Cheah Toon Look dan Tan Siew Sin yang menerajui MCA pada tempoh masa ini menggunakan strategi tersendiri untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti Cina. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah perpustakaan dengan merujuk sumber primer seperti minit mesyuarat parti, laporan tahunan parti, perlembagaan parti, Surat Persendirian H.S. Lee, Surat Persendirian Tan Cheng Lock, rekod Pejabat Tanah Jajahan, surat-menyurat parti serta akhbar, dan sumber sekunder seperti buku dan artikel jurnal. Penulisan ini mendapati bahawa strategi perjuangan MCA adalah berdasarkan objektif MCA seperti termaktub dalam Perlembagaan MCA yang mengutamakan keharmonian antara kaum serta menjaga kepentingan masyarakat Cina. Justeru, strategi perjuangan MCA dalam masyarakat Cina perlu mengimbangkan tuntutan masyarakat Cina dan pendirian parti United Malays National Organization (UMNO). Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui strategi perjuangan MCA dalam isu pendidikan Cina daripada tahun 1958 sehingga 1969. Justeru, strategi perjuangan MCA cuma dapat berkompromi dalam memenuhi sebahagian tuntutan masyarakat Cina terutama golongan pendidikan Cina yang dapat diterima oleh UMNO dan bukan sepenuhnya. Peranan strategi perjuangan MCA ini amat penting dalam konteks menstabilkan politik negara dengan mengelakkan konflik antara kaum.

**Kata kunci:** MCA, Pendidikan Cina, Lim Chong Eu, Cheah Toon Look, Tan Siew Sin.

**Abstract**

*This paper will detail the Malaysian Chinese Association (MCA) struggle strategy in addressing the issues faced by the Chinese community after Malaya achieved independence until the brink of the May 13, 1969 tragedy. During this period, MCA faced issues such as Chinese education, national language, the formation of Malaysia, and Merdeka University. Three MCA leaders, namely Lim Chong Eu, Cheah Toon Look, and Tan Siew Sin, who led MCA during this period, used their own strategies to solve the problems faced by the Chinese community. This writing uses a qualitative approach, i.e., library method with references to primary sources such as party meeting minutes, party annual reports, party constitution, H.S. Lee Private Paper, Tan Cheng Lock Private Paper, Colonial Office records, party*

*correspondence, and newspapers, and secondary sources such as books and journal articles. This writing finds that the MCA's struggle strategy is based on the MCA's objectives as outlined in the MCA Constitution which prioritizes harmony among races and protects the interests of the Chinese community. Therefore, MCA's struggle strategy in the Chinese community must balance the demands of the Chinese community and the stance of the United Malays National Organization (UMNO). This can be clearly seen through the MCA's struggle strategy in the issue of Chinese education from 1958 to 1969. Therefore, MCA's struggle strategy can only compromise in meeting some of the demands of the Chinese community, especially the Chinese education group that can be accepted by UMNO and not entirely. The role of MCA's struggle strategy is very important in the context of stabilizing the country's politics by avoiding conflicts between races.*

**Keywords:** MCA, Chinese Education, Merdeka University, Lim Chong Eu, Cheah Toon Look, Tan Siew Sin.

## **Pengenalan**

Penubuhan *Malaysian Chinese Association* (MCA)<sup>1</sup> amat berkaitan dengan perkembangan politik di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1949. Sebaik sahaja Darurat diisytiharkan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 dan Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan pada 23 Julai 1948, pihak British berusaha untuk mengurangkan pengaruh komunis dalam kalangan masyarakat Cina di Persekutuan Tanah Melayu.<sup>2</sup>

Disebabkan pihak British menyedari perkembangan politik ketika itu memerlukan sokongan dan kerjasama daripada masyarakat Cina maka Pesuruhjaya Tinggi British, Henry Gurney menggalakkan seramai 16 orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif Persekutuan<sup>3</sup> untuk membentuk sebuah pertubuhan yang mewakili masyarakat Cina sebagai alternatif untuk PKM pada 15 Disember 1948. Cadangan Henry Gurney dipersetujui oleh para pemimpin Cina. Justeru, Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee, H.S.Lee dan Leong Yew Koh mengambil keputusan untuk menubuhkan MCA.<sup>4</sup>

Dengan itu, MCA ditubuhkan oleh 16 orang ahli Cina Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Februari 1949 dan Tan Cheng Lock dipilih sebagai Presiden MCA yang pertama.<sup>5</sup> MCA mempunyai tiga objektif utama, pertama, menjalin dan memelihara keharmonian antara kaum; kedua, menggalak dan melindungi kepentingan sosial, ekonomi serta budaya Cina dalam lingkungan perundangan yang dibenarkan dan ketiga untuk memaju serta membantu mengekalkan suasana aman negara.<sup>6</sup>

Oleh kerana MCA ditubuhkan pada tempoh Darurat, maka ia memainkan peranan yang penting untuk menjaga keharmonian kaum. Justeru, strategi perjuangan MCA yang pertama adalah untuk menjaga keharmonian kaum. Caranya adalah dengan membantu masyarakat Cina menyelesaikan masalah kehidupan mereka akibat pelaksanaan Darurat. Dengan itu, MCA bertanggungjawab untuk memastikan keadaan penempatan baharu yang sesuai bagi penduduk Cina yang terjejas akibat pelaksanaan dasar penempatan semula dalam Rancangan Briggs selain memastikan kawasan penempatan baharu ini mempunyai infrastruktur yang lengkap. Pada masa yang sama, MCA turut membiayai sebahagian perbelanjaan yang berkaitan dengan kebajikan atau keperluan harian bagi penduduk Cina yang terlibat.<sup>7</sup>

MCA seterusnya memberi bantuan kewangan kepada kaum lain seperti pembayaran \$970 bagi tahanan Melayu di khemah tahanan pada tahun 1950. MCA turut membantu dalam urusan penahanan para tahanan yang ditahan di bawah Peraturan Darurat.<sup>8</sup> Pada peringkat ini, strategi perjuangan MCA adalah berteraskan kepada keperluan semasa politik negara.

Strategi perjuangan MCA seterusnya beralih kepada peringkat kedua yang mengutamakan pelaksanaan objektif kedua Perlembagaan MCA, iaitu untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina. Ia berubah dari badan kebajikan kepada parti politik pada tahun 1952.<sup>9</sup> Langkah pertama MCA adalah bekerjasama dengan *United Malays National Organisation* (UMNO).<sup>10</sup> Hasilnya, kerjasama politik antara MCA dengan UMNO dibentuk melalui pakatan nasional rasmi yang dinamakan sebagai Perikatan UMNO-MCA pada 3 Februari 1953. Perikatan UMNO-MCA berusaha untuk mempercepatkan proses kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>11</sup>

Dalam usaha untuk mempercepatkan proses kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, strategi perjuangan MCA adalah bekerjasama rapat dengan UMNO. Tindakan ini termasuk bertindak sama dengan UMNO untuk memulau pentadbiran kerajaan British; mengadakan tunjuk perasaan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu; dan berjumpa dengan Raja-raja Melayu.<sup>12</sup> Setelah kerajaan British sanggup bertolak ansur dengan tuntutan Perikatan UMNO-MCA mengenai usul pembaharuan sistem Majlis Perundangan Persekutuan, strategi perjuangan MCA beralih ke peringkat ketiga, iaitu menentukan aspirasi nasional negara.

Pada peringkat ketiga pelaksanaan strategi perjuangan MCA ini, tugas MCA adalah untuk menentukan strategi memenangi pilihan raya umum 1955 dan menentukan kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu bagi pihak masyarakat Cina. Langkah pertama yang dilaksanakan oleh MCA adalah memujuk supaya golongan pendidik Cina seperti Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina (GPGSC) dan Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (GLPSC) supaya tidak menuntut kedudukan pendidikan Cina sewaktu kempen pilihan raya umum 1955.<sup>13</sup> Langkah yang kedua adalah memdraf Manifesto Pilihan Raya Umum 1955 di mana kandungannya dapat diterima oleh MCA, UMNO, masyarakat Cina dan Melayu.<sup>14</sup>

Kejayaan kerjasama politik antara Parti Perikatan yang dianggotai oleh UMNO, MCA dan *Malayan Indian Congress* (MIC)<sup>15</sup> dicapai apabila Parti Perikatan berjaya memenangi pilihan raya umum 1955. MCA seterusnya merangka kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Akhirnya, MCA berjaya mencapai persetujuan dengan Parti Perikatan, iaitu membenarkan pengekalan kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal Persekutuan Tanah Melayu dan pemberian kerakyatan mengikut prinsip *jus soli*.<sup>16</sup> Bagi MCA, strategi sebegini adalah berteraskan perpaduan nasional dan bukan perpaduan perkauman semata-mata.

### **Strategi Perjuangan MCA di bawah Kepimpinan Lim Chong Eu, 1958-1959**

Selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, strategi perjuangan MCA berubah arah iaitu daripada menentukan aspirasi nasional kepada melaksanakan aspirasi nasional. Ini terbukti apabila MCA menguruskan hal ehwal pendidikan Cina yang dipandang berat oleh masyarakat Cina.

Lim Chong Eu dipilih sebagai Presiden MCA kedua pada 23 Mac 1958.<sup>17</sup> Disebabkan Lim Chong Eu menyedari isu pendidikan Cina dipandang berat oleh masyarakat Cina, beliau memperjuangkan isu ini sepanjang tempoh kepimpinannya. Untuk memudahkan cara

pengurusan isu pendidikan Cina, Lim Chong Eu menggunakan dua kaedah, iaitu dalaman dan luaran. Kaedah dalaman merujuk kepada memberikan kuasa kepada Ahli Jawatankuasa Pusat MCA untuk menguruskan hal ehwal pendidikan Cina. Kaedah luaran pula merujuk kepada menghadiri persidangan penting yang diadakan oleh badan pendidikan Cina seperti Gabungan Pendidikan Guru-Guru Sekolah Cina (GPGSC) dan Gabungan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (GLPSC).<sup>18</sup>

Melalui kaedah pertama, MCA mengubah objektif Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina MCA (JPPCMCA)<sup>19</sup> supaya bersesuaian dengan perkembangan terkini dasar pendidikan nasional. Ia kemudian melantik Jawatankuasa Budaya dan Pendidikan MCA, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Politik, Organisasi, Pilihan Raya dan Keahlian MCA serta ahli-ahli Dewan Perundangan Persekutuan yang berbangsa Cina untuk bekerjasama dalam hal ehwal pendidikan Cina. Pengerusi Jawatankuasa Budaya dan Pendidikan MCA iaitu H.S. Lee diberi tanggungjawab mewakili MCA dalam kabinet untuk berjuang memartabatkan hal ehwal pendidikan Cina.<sup>20</sup>

Seterusnya, MCA menyediakan kertas kerja mengenai isu-isu pendidikan Cina supaya dapat dibincangkan dalam Majlis Kebangsaan Perikatan serta mengumpulkan pandangan masyarakat Cina terhadap masalah pendidikan Cina di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. MCA turut mencari jalan untuk menyelesaikan masalah pelajar sekolah Cina yang memulaukan peperiksaan awam *Lower Certificate of Education (LCE)* ekoran penggunaan bahasa Inggeris, tetapi bukan bahasa pengantar iaitu bahasa Cina.<sup>21</sup>

Dalam pelaksanaan kaedah luaran terhadap urusan pendidikan Cina, Lim Chong Eu mewakili MCA menghadiri Persidangan Pendidikan Cina Persekutuan Tanah Melayu pada 20 September 1958<sup>22</sup> serta Persidangan Pendidikan Cina Persekutuan Tanah Melayu pada 26 April 1959.<sup>23</sup> Dalam kedua-dua persidangan yang penting ini, MCA membuat keputusan untuk memajukan pendidikan Cina sebagai salah satu unsur kepelbagaian budaya Persekutuan Tanah Melayu. Perkembangan pendidikan Cina ini adalah berdasarkan Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang membenarkan penggunaan dan pembelajaran bahasa Cina.<sup>24</sup>

Bagi Lim Chong Eu/MCA, MCA dalam Perikatan perlu menjaga kepentingan seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu tanpa mengira bangsa manakala MCA dalam JPPCMCA pula, bertujuan untuk menjaga perkembangan pendidikan Cina.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, MCA perlu memastikan perkembangan pendidikan Cina menuju ke arah melahirkan Persekutuan Tanah Melayu dan bukan negara Cina.<sup>26</sup> Dengan itu, MCA menggunakan pertubuhan JPPCMCA untuk menyelesaikan isu-isu pendidikan dan menjadikannya sebagai platform yang menghubungkan GPGSC, GLPSC dan kerajaan.<sup>27</sup>

Bagaimanapun, strategi MCA yang sehaluan dengan golongan pendidikan Cina menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam masyarakat Melayu, sama ada akhbar Melayu atau pemimpin UMNO. Contohnya, *Utusan Melayu* mengkritik Persidangan Pendidikan Cina pada 20 September 1958 yang dilihat mempunyai motif politik dalam meluluskan usul supaya bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi jika bahasa pengantar peperiksaan awam adalah bahasa rasmi.<sup>28</sup> Sementara itu, Tunku Abdul Rahman, pemimpin UMNO turut tidak bersetuju bahawa bahasa Cina diakui sebagai bahasa rasmi.<sup>29</sup> Namun demikian, Lim Chong Eu menjelaskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perikatan bahawa tujuan ucapannya dalam Persidangan Pendidikan Cina pada 20 September 1958 merupakan salah satu taktik politik untuk menjaga sokongan politik masyarakat Cina terhadap MCA dan bukan tindakan yang akan direalisasikan.<sup>30</sup>

Sebenarnya, strategi MCA yang memperjuangkan pendidikan Cina mempunyai batasan tertentu. Misalnya, Lim Chong Eu menyatakan bahawa perjuangan dalam mempertahankan pendidikan Cina tertakluk kepada Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Kandungan Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa bahasa ibunda bangsa lain turut dibenarkan digunakan dan dipelajari. Pada 22 Mac 1959, MCA meminda objektif pertama Perlembagaan MCA di mana objektif parti yang baharu adalah untuk memelihara Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>31</sup> Tindakan ini adalah untuk mendapatkan sokongan politik masyarakat Cina dan mengubah imej parti ini untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina. Strategi perjuangan ini berjaya mendapat pujian daripada golongan pendidik Cina secara terbuka.<sup>32</sup> Semenjak itu, salah satu hala tuju strategi perjuangan MCA adalah berteraskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

### **Strategi Perjuangan MCA di bawah Kepimpinan Cheah Toon Lok, 1959-1961**

Cheah Toon Lok mengambil alih kepimpinan MCA apabila Lim Chong Eu meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA pada Ogos 1959. Dalam tempoh 1959 hingga 1961, MCA masih memberi keutamaan dalam urusan pendidikan Cina. Namun begitu, kaedah pimpinan Cheah Toon Lok dalam menangani isu pendidikan Cina adalah berbeza dengan Lim Chong Eu. Beliau meneruskan kaedah Tan Cheng Lock yang berusaha mengimbangi tuntutan UMNO/Perikatan dan masyarakat Cina. Namun begitu, kaedah ini mengecewakan golongan pendidikan Cina seperti GPGSC dan GLPSC.

Strategi perjuangan MCA ini memberi kesan kepada pendirian MCA terhadap hal penukaran corak Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan seterusnya menjejaskan hubungan antara MCA dengan golongan pendidikan Cina seperti GPGSC dan GLPSC. Bagi MCA, penukaran corak sekolah menengah Cina merupakan suatu usaha untuk membina negara yang baharu. Justeru, MCA semestinya menyokong sepenuhnya terhadap dasar pendidikan nasional ini sepertimana yang terkandung dalam Laporan Semakan Pendidikan 1960. Lagipun, MCA turut menyokong pelaksanaan dasar pendidikan berasaskan tiga sebab. Sebab-sebab ini adalah pendidikan sekolah rendah diberikan secara percuma; umur meninggalkan sekolah dinaikkan kepada 15 tahun dan masa pengajaran bahasa Cina di sekolah menengah Cina adalah sama dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris iaitu satu pertiga daripada masa pengajaran.<sup>33</sup>

Akan tetapi, pandangan GPGSC dan GLPSC adalah berlainan dengan MCA. Ini adalah kerana mereka bertegas bahawa bahasa Cina perlu dikekalkan sebagai bahasa pengantar bagi SMJK; peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu (SPPTM) diadakan dalam bahasa Cina serta penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar bagi Sekolah Pelajaran Lanjutan.<sup>34</sup> Dalam konteks ini, MCA berdiam diri atau cuba mengelakkan diri daripada tuntutan GPGSC dan GLPSC memandangkan tuntutan mereka adalah bercanggah dengan pendirian atau strategi perjuangan MCA semasa. Sebaliknya, MCA giat mempromosi Laporan Semakan Pendidikan 1960 apabila Menteri Pendidikan, Abdul Rahman Talib menolak ketiga-tiga tuntutan GPGSC dan GLPSC tersebut secara rasmi pada 24 Mac 1961.<sup>35</sup>

Atas usaha gigih MCA, MCA berjaya melaksanakan strategi perjuangannya iaitu menyokong dasar kerajaan Perikatan dan tetap menjaga kepentingan masyarakat Cina dengan syaratnya tidak bercanggah dengan dasar kerajaan. Kenyataan ini terbukti apabila MCA berjaya mempengaruhi sebanyak 55 buah sekolah menengah Cina untuk menerima penukaran

corak sekolah menengah Cina pada 15 Mei 1962. Pada masa yang sama, sistem pendidikan sekolah rendah Cina yang sedia ada berjaya dikekalkan untuk menjaga kepentingan masyarakat Cina terutama dari segi pembelajaran bahasa ibunda dan budaya masyarakat Cina.<sup>36</sup>

### **Strategi Perjuangan MCA di bawah Kepimpinan Tan Siew Sin, 1961-1969**

Pada 11 November 1961, Tan Siew Sin dilantik sebagai Presiden MCA yang baharu. Tan Siew Sin masih meneruskan strategi perjuangan MCA yang sama dengan Tan Cheng Lock dan Cheah Toon Lok yang mengutamakan pendirian UMNO di samping turut menjaga kepentingan masyarakat Cina yang tidak bertentangan dengan pendirian UMNO. Disebabkan tempoh kepimpinan Tan Siew Sin lebih panjang daripada Lim Chong Eu dan Cheah Toon Lok, maka banyak strategi perjuangan MCA dilaksanakan oleh beliau. Strategi perjuangan ini termasuk hal ehwal pendidikan Cina, penubuhan Malaysia, Pilihan Raya Umum 1964, isu bahasa kebangsaan, Gerakan Rakyat Setia dan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR).

MCA menubuhkan rombongan lawatan delegasi MCA pada tahun 1962 untuk membantu menjayakan usaha pembentukan Gagasan Malaysia apabila Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman diberikan kuasa oleh Parlimen bagi mengusahakan cadangan pembentukan Gagasan Malaysia pada 18 Oktober 1961.<sup>37</sup> Tujuan rombongan lawatan ini adalah untuk mendapatkan persetujuan daripada masyarakat Cina di Sabah dan Sarawak terhadap konsep pembentukan Gagasan Malaysia. Usaha ini tercapai apabila pemimpin Sabah dan Sarawak bersetuju membentuk Perikatan Sabah dan Sarawak.<sup>38</sup>

Pada 10 Oktober 1962, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA), Parti Negara Sarawak (PANAS), dan *Sarawak Chinese Association* (SCA) bersetuju dengan MCA bagi membentuk Perikatan Sarawak.<sup>39</sup> Sementara itu, parti politik Cina di Sabah seperti *Chinese United Party* dan *Democratic Party* turut dipengaruhi oleh MCA melalui Lim Swee Aun untuk bergabung menjadi sebuah parti politik yang baharu, iaitu *Sabah National Party* (SANAP) pada 12 Oktober 1962. Kemudian, SANAP bekerjasama dengan *United Sabah National Organization* (USNO) dan *United National Kadazan Organization* (UNKO) untuk membentuk Perikatan Sabah pada 16 Oktober 1962.<sup>40</sup> Dapat disimpulkan bahawa MCA memainkan peranan yang penting dalam mendapatkan sokongan masyarakat Cina di Sarawak dan Sabah terhadap pembentukan Gagasan Malaysia. Bagaimanapun, pembentukan Gagasan Malaysia menimbulkan penentangan Indonesia melalui Dasar Konfrontasi terhadap Malaysia semenjak Januari 1963.<sup>41</sup> MCA di bawah pimpinan Tan Siew Sin sekali lagi memberi sokongan sepenuhnya terhadap Tunku Abdul Rahman dengan memberi sumbangan kewangan kepada *National Patriotic Fund* yang dilancarkan oleh Tunku Abdul Rahman. MCA dan Pemuda MCA memberi derma kepada tabung ini selama enam bulan secara berterusan. Seterusnya, Central General Assembly MCA pada 10 November 1963 meluluskan resolusi menyokong kerajaan Malaysia dalam memutuskan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Indonesia. MCA turut menyeru masyarakat Cina menentang Indonesia jika negara jiran ini mencero bohi Malaysia.<sup>42</sup>

Isu Konfrontasi ini digunakan oleh MCA untuk memancing undi masyarakat Cina dalam pilihan raya umum 1964. Caranya, MCA mengkritik Barisan Sosialis dan *Pan-Malayan Islamic Party* (PMIP) kerana tidak setia kepada negara.<sup>43</sup> Pada masa yang sama, pemimpin UMNO seperti Tunku Abdul Rahman, Syed Jaafar Albar, Khir Johari dan Dr.

Ismail Abdul Rahman turut memberikan sokongan sepenuhnya kepada MCA apabila MCA dicabar oleh *People's Action Party* (PAP) sewaktu kempen Pilihan Raya Umum 1964. Keadaan ini dapat dilihat apabila PAP mengkritik MCA dengan kata-kata “*corruption, greed and ineptitude*” dan “*Chinese politicians in the past have failed you, but the PAP, with his power base in Singapore, will be able to be much more affective advocate for your interests in the touch political negotiagtions with the UMNO-dominted Alliance Government*”. Bagaimanapun, para pemimpin UMNO yang berkenaan menyeru pengundi Melayu supaya menolak PAP untuk memelihara perpaduan UMNO-MCA dan mengelakkan penyebaran fahaman komunis di Semenanjung Malaysia. Malah, UMNO turut memberi amaran kepada pengundi Cina bahawa kehidupan masyarakat Cina agak sukar dijamin jika negara ditadbir oleh parti politik selain daripada Parti Perikatan.<sup>44</sup> Justeru, dapat disimpulkan bahawa hubungan antara UMNO dan MCA ketika ini adalah amat mesra kerana membantu sesama lain.

Strategi perjuangan MCA yang mengutamakan pendirian UMNO sekali lagi terbukti melalui pendirian MCA terhadap isu bahasa kebangsaan pada tahun 1965 apabila berlakunya *Gerakan Menuntut Bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia* yang dilancarkan oleh golongan pendidik Cina bermula pada tahun 1964. Pada 15 Mac 1964, GPGSC meluluskan resolusi menuntut kerajaan mengisytiharkan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan Malaysia.<sup>45</sup> Suara gerakan ini bertambah dengan kuat apabila kerajaan mengisytiharkan bahasa pengantar bagi sistem pendidikan yang baharu, iaitu kurikulum sistem Sekolah Aneka Jurusan hanya terhad kepada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Justeru, GPGSC menghantar surat pada 19 Januari 1965 meminta Jawatankuasa Kecil Pendidikan MCA membincangkan tuntutan ini dalam Persidangan Agung Tahunan MCA. Bagaimanapun, usaha ini gagal kerana Persidangan Agung Tahunan MCA pada 20 dan 21 Februari 1965 tidak membincangkan mengenai tuntutan ini.<sup>46</sup>

Sebaliknya, MCA cuma membincangkan mengenai pelaksanaan kurikulum sistem Sekolah Aneka Jurusan dengan menghantar memorandum kepada Pemangku Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Khir Johari pada 30 Disember 1964. Dalam konteks ini, MCA cuma memastikan supaya tempoh masa pengajaran bahasa Cina dikekalkan selama satu pertiga daripada jumlah masa pengajaran dalam kelas sahaja.<sup>47</sup> Seterusnya, MCA turut mencadangkan supaya keputusan kurikulum mata pelajaran bahasa ibunda masing-masing seperti bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil dapat dijadikan sebagai alternatif penggantian bagi pelajar yang gagal dalam mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Kajian Tempatan. MCA juga mencadangkan supaya mata pelajaran bahasa Inggeris ditukar kepada status hanya syarat lulus dan mata pelajaran bahasa ibunda pula, wajib lulus.<sup>48</sup> Memorandum ini bukan sahaja mencerminkan pendirian MCA, iaitu bertanggungjawab kepada kerajaan Malaysia dan pengundi Cina, malah, memorandum ini turut menunjukkan bahawa MCA perlu bertolak ansur dan tidak membincangkan isu bahasa kebangsaan serta cuba mengubah sebarang dasar pendidikan kebangsaan.<sup>49</sup>

Bagaimanapun, pendirian MCA ini menimbulkan perasaan tidak puas hati GPGSC kerana MCA tidak memperjuangkan kedudukan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa kebangsaan. Sistem Sekolah Aneka Jurusan yang dilaksanakan pada 11 Januari 1965 menjejaskan kedudukan bahasa Cina. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Bulan Bahasa Kebangsaan Perlis mengumumkan bahawa tulisan bahasa Cina dalam papan kenyataan jabatan-jabatan kerajaan, kedai-kedai dan syarikat-syarikat perlu ditukar kepada bahasa Melayu. Perkembangan ini mendorong GPGSC mengadakan Persidangan Perwakilan Persatuan Pendaftaran Cina pada 7 Ogos 1965. Persidangan ini diadakan untuk menuntut supaya bahasa Cina diisytihar sebagai salah satu bahasa kebangsaan di Malaysia.<sup>50</sup>

Pergerakan untuk mendapatkan pengisytiharan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan telah menimbulkan ketidakstabilan masyarakat, maka Tan Siew Sin selaku Presiden MCA menjelaskan bahawa pergerakan ini menyukarkan Perikatan atau kerajaan terutama MCA. Ini disebabkan MCA dituduh tidak menjaga kepentingan masyarakat Cina sekiranya tidak menyokong gerakan ini. Sebaliknya, Perikatan mengalami perpecahan jika MCA menyokong gerakan ini.<sup>51</sup>

Untuk menegaskan pendiriannya, Jawatankuasa Kerja Pusat MCA mengadakan mesyuarat tergepar pada 3 Ogos 1965 dan mengumumkan bahawa MCA tidak akan menyokong bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan Malaysia. Sebaliknya, MCA akan memastikan bahasa Cina dapat digunakan dan dipelajari di Malaysia.<sup>52</sup> Pada masa yang sama, Tan Siew Sin berjanji mendapatkan kedudukan bahasa kerja rasmi (*official working language*) bagi penggunaan bahasa Cina dalam notis jabatan kerajaan. Tujuan MCA adalah untuk meredakan pergerakan menuntut bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan. Namun demikian, janji tersebut tidak tertunai kerana Jawatankuasa Tindakan Perikatan (*Alliance Action Committee*) hanya membenarkan bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar serta digunakan di sekolah dan bukan untuk urusan rasmi kerajaan.<sup>53</sup>

Pada masa yang sama, *Gerakan Menuntut Bahasa Cina sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia* turut menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Melayu. Keadaan ini dapat dilihat menerusi pernyataan Dr. Ismail dari UMNO bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah hasil persetujuan antara para pemimpin sebelum kemerdekaan. Justeru, gerakan ini dilihat bukan sahaja memungkiri janji tetapi menyebabkan tuduhan masyarakat Melayu terhadap pemimpin UMNO yang tidak memperjuangkan kepentingan mereka.<sup>54</sup> Sementara itu, Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (BBBK)<sup>55</sup> dan Syed Nasir bin Syed Ismail mengadakan perhimpunan kebangsaan pada tahun 1965 untuk menyeru kerajaan mengisytiharkan dengan jelas kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal dan bahasa rasmi negara. Kepimpinan Pemuda UMNO turut memperjuangkan pemantapan kedudukan bahasa Melayu dengan tidak bertolak ansur dengan tuntutan kumpulan lain. Ini disebabkan mereka berpendapat bahawa bahasa Melayu bukan sahaja dilihat sebagai simbol identiti bangsa, tetapi dapat memantapkan kedudukan ekonomi dan taraf bangsa Melayu.<sup>56</sup>

Untuk mengekalkan keamanan negara, Tan Siew Sin menerima memorandum daripada wakil persatuan Cina dan beliau menasihati mereka supaya bertenang dan mengambil pendekatan berbincang dengan UMNO mengenai tuntutan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan. Secara umumnya, memorandum ini menuntut supaya bahasa Cina dijadikan sebagai bahasa kebangsaan kedua. Mereka meminta bahasa Cina digunakan dalam Parlimen, Dewan Perundangan Negeri, mesyuarat kerajaan tempatan dan dalam dokumen kerajaan. Gerakan ini menghantar memorandum kepada MCA dan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu.<sup>57</sup> Namun begitu, perselisihan faham mengenai isu bahasa kebangsaan ini tercetus lagi apabila MCA Cawangan Selangor meluluskan resolusi menuntut kerajaan menerima bahasa Cina sebagai bahasa kerja rasmi pada 25 September 1966. Resolusi ini mendapat sokongan cawangan MCA lain dan persatuan-persatuan Cina.<sup>58</sup>

Pada 26 September 1966, keputusan dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Persidangan Persatuan Cina untuk bertemu dengan Tunku Abdul Rahman bagi menyelesaikan isu bahasa Cina. Jawatankuasa Kerja Persidangan Persatuan Cina turut menggerakkan gerakan menurunkan tandatangan dalam kalangan masyarakat Cina bagi menyokong tuntutan bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan.<sup>59</sup> Dengan itu, Yahaya Ismail, Pengerusi BBBK menyalahkan tindakan MCA Cawangan Selangor dan ianya menimbulkan tindak balas



cawangan MCA serta badan-badan pendidikan Cina. Tindakan balas ini berlangsung sehingga 10 Oktober 1966.<sup>60</sup> Disebabkan suasana menjadi semakin genting, pada 11 Oktober 1966, Tan Siew Sin menyeru agar semua cawangan MCA bertenang supaya dapat mengelakkan konflik. Tan Siew Sin menjelaskan bahawa kedudukan bahasa Cina terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, cawangan MCA tidak seharusnya mencampuri perkara ini. Isu bahasa Cina ini kemudiannya diserahkan kepada Jawatankuasa Tindakan Perikatan.<sup>61</sup>

Pada 12 Oktober 1966, Tunku Abdul Rahman mengkritik pendirian Pemuda MCA terhadap kedudukan bahasa Cina yang menjejaskan kestabilan masyarakat dan keselamatan negara. Kritikan ini mendorong Jawatankuasa Kerja Persidangan Persatuan Cina mengadakan mesyuarat tergepar pada hari yang sama dan mengambil keputusan untuk mengadakan kempen menurunkan tandatangan oleh ahli persatuan Cina di seluruh negara yang bertujuan memberi tekanan kepada kerajaan untuk menyokong bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan. Dalam mesyuarat ini, Sim Mow Yu,<sup>62</sup> yang merupakan Pengerusi GPGSC menjelaskan bahawa tuntutan mereka adalah munasabah, malah tindakan mereka adalah berasaskan perjanjian antara Tan Siew Sin dengan Tunku Abdul Rahman. Banyak persatuan Cina dan badan pendidikan Cina yang menyertai kempen ini selain disertai juga oleh cawangan MCA di seluruh negara.<sup>63</sup>

Memandangkan tindakan kesemua cawangan MCA bercanggah dengan pendirian MCA ketika itu, pemimpin pusat MCA mengadakan mesyuarat tergepar Jawatankuasa Kerja Pusat MCA pada 18 Oktober 1966 untuk memutuskan pendirian MCA terhadap perkara ini. Keputusan pertama yang dibuat adalah untuk tidak menyokong bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan. Ini disebabkan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Fasal 152, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal. Keputusan kedua, memecat keahlian Sim Mow Yu daripada MCA kerana tidak mengikut pendirian dan keputusan MCA Pusat. Keputusan MCA memberi kejutan kepada masyarakat Cina. Justeru, cawangan-cawangan MCA merayu agar MCA Pusat membatalkan keputusan yang diambil, tetapi tidak berjaya. Bagi menggagalkan usaha Jawatankuasa Kerja Persidangan Persatuan Cina, Pendaftar Persatuan mengeluarkan surat pada pertengahan November 1966 untuk memberi amaran kepada persatuan-persatuan yang bergiat aktif dalam kempen ini. Surat ini bertujuan untuk menghalang persatuan Cina menyertai kempen yang dapat mencetuskan konflik masyarakat. Tindakan ini berjaya memperlambatkan perkembangan kempen.<sup>64</sup>

Demi menjaga perpaduan dan keamanan negara, MCA menyokong sepenuhnya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 pada Mac 1967. Keputusan ini selaras dengan salah satu objektif Perlembagaan MCA, iaitu menjaga hubungan harmoni masyarakat.<sup>65</sup> Dalam isu menuntut bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan, MCA bukan sahaja perlu menjaga kepentingan masyarakat Cina tetapi juga seluruh masyarakat Malaysia. MCA juga perlu menunaikan tanggungjawab sebagai rakan Perikatan untuk menjaga kepentingan seluruh masyarakat Malaysia dan bukan sebahagian kecil masyarakat Cina. MCA perlu bertindak menolak tuntutan masyarakat Cina supaya bahasa Cina dijadikan sebagai salah satu bahasa kebangsaan Malaysia. Sesungguhnya ini adalah satu strategi perjuangan MCA yang bijak. Pendirian MCA ini berjaya memenangi hati UMNO dan memperkuatkan hubungan antara MCA dengan UMNO dan masyarakat Melayu. Malah, ia turut memperkuatkan kedudukan MCA dalam Perikatan. Strategi perjuangan MCA yang mengutamakan pendirian UMNO atau dasar kerajaan daripada masyarakat Cina diamalkan sehingga Pilihan Raya Umum 1969. Dapatlah disimpulkan bahawa pendirian MCA terhadap isu bahasa kebangsaan adalah lebih memihak kepada pendirian UMNO, iaitu bahasa Melayu merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan. Pendirian MCA ini mengecewakan masyarakat Cina kerana badan yang

mewakili masyarakat Cina dalam isu pendidikan Cina, iaitu GLPSC dan GPGSC menuntut supaya bahasa Cina dijadikan salah satu bahasa kebangsaan jika bahasa kebangsaan diperlukan sebagai bahasa pengajaran di sekolah.

Untuk memulihkan hubungan masyarakat Malaysia yang terjejas akibat isu bahasa Cina sebagai bahasa kebangsaan, MCA melancarkan kempen Gerakan Rakyat Setia pada 23 Julai 1967. Terdapat empat objektif pelaksanaan kempen ini. Pertama, memupuk perasaan bangga terhadap negara; kedua, memupuk kesedaran menghormati simbol kebangsaan seperti bendera negara dan lagu negara; ketiga, mempromosi kesedaran sivik bagi rakyat negara; dan keempat, menguatkan hubungan persahabatan, harmoni dan kerjasama antara pelbagai kaum di Malaysia.<sup>66</sup> Melalui kempen ini, dapat dilihat bahawa MCA bukan sahaja memainkan peranan untuk memulihkan hubungan harmoni antara kaum bahkan juga mempromosi kesedaran sebagai rakyat Malaysia dan taat setia kepada negara. Ini dilakukan demi mengurangkan ketegangan kaum. Kejayaan kempen ini dapat dilihat apabila lebih 1,000 orang Cina yang menghadiri perhimpunan pada 1 Ogos 1967 di Mentakab, Pahang; seramai 500 orang wakil pelbagai kaum menghadiri perhimpunan di Kuala Lumpur pada 23 Julai 1967 serta seramai 1,000 orang di Krian, Perak menghadiri perhimpunan pada 7 September 1967.<sup>67</sup> Dengan ini, MCA membuktikan ia adalah parti yang berjuang untuk kepentingan kaum dan negara.

Strategi terakhir bagi MCA sebelum pilihan raya umum 1969 adalah penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR). Penubuhan KTAR berkaitan rapat dengan kempen menubuhkan Universti Merdeka yang dijalankan oleh GLPSC dan GPGSC. Jawatankuasa Kerja Pendidikan Cina GLPSC dan GPGSC mencapai persetujuan pada 23 Disember 1967 untuk menubuhkan sebuah universiti beraliran Cina. Terdapat lima objektif penubuhan universiti ini. Pertama, mewujudkan sistem pendidikan Cina yang lengkap; kedua, menyediakan tenaga kepakaran kepada negara; ketiga, menyediakan peluang pelajaran dan pekerjaan kepada para pelajar sekolah menengah Cina persendirian; keempat, memenuhi permintaan rakyat; dan kelima, menggalakkan perpaduan budaya dan mengembangkan budaya negara ini.<sup>68</sup>

Pada 5 Januari 1968, GLPSC dan GPGSC meminta pertubuhan Cina untuk memberi bantuan kewangan dan permintaan tersebut mendapat sambutan yang baik daripada pertubuhan-pertubuhan Cina. Perkembangan ini membimbangkan parti Perikatan, lalu mengubah dasarnya untuk menghalang perkembangan penubuhan Universiti Merdeka. Justeru, Khir Johari, Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu mengisytiharkan syarat kelayakan sijil *Senior Cambridge* atau *Malaysian Certificate of Education* untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dibatalkan pada 12 Januari 1968. Namun, usaha Perikatan mengalami kegagalan. Ini disebabkan GLPSC dan GPGSC masih meneruskan usaha untuk menubuhkan Universiti Merdeka. Penubuhan Universiti Merdeka bercanggah dengan aspirasi nasional, maka Tunku Abdul Rahman telah menolak penubuhan institusi ini. Walau bagaimanapun, beliau berjanji menaikkan taraf Jabatan Bahasa Tionghua Universiti Malaya kepada status fakulti.<sup>69</sup>

Atas tekanan politik, MCA mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat dan mengumumkan pendirian tidak menyokong penubuhan Universiti Merdeka. Pendirian MCA ini selaras dengan dasar dan pendirian kerajaan dan UMNO. MCA juga mencadangkan supaya Jabatan Bahasa Tionghua Universiti Malaya dinaikkan kepada status fakulti selaras dengan kemahuan Tunku Abdul Rahman. Gerakan penubuhan Universiti Merdeka turut menimbulkan perasaan tidak puas hati masyarakat Melayu. Contohnya, Pemuda UMNO mengkritik gerakan penubuhan Universiti Merdeka pada 7 Februari 1968 yang disifatkan

sebagai *chauvinis*. *Utusan Melayu*, surat khabar Melayu turut mengkritik penubuhan Universiti Merdeka yang dilihat menjejaskan dasar pendidikan negara.<sup>70</sup>

Untuk mematahkan usaha penubuhan Universiti Merdeka, MCA mula bertindak mengkritik gerakan tersebut melalui Joseph Siow Loong Hin, Ketua Publisiti Ibu Pejabat MCA yang menyatakan Universiti Merdeka mempunyai unsur perkauman dan menyukarkan negara mengeratkan hubungan harmoni antara kaum. Seterusnya, pada 8 Mac 1968, Tan Siew Sin mengkritik badan-badan pendidikan yang menjejaskan perpaduan negara. MCA seterusnya mengadakan mesyuarat bersama kesemua ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri pada 8 Februari 1968. Hasilnya, MCA mencadangkan penubuhan sebuah institusi prauniversiti. Keputusan MCA ini diterima oleh Persidangan Agung Tahunan MCA pada 23-24 Mac 1968. Bagi MCA dan kerajaan, Universiti Merdeka tidak dapat diterima atas alasan bahasa pengantar adalah bahasa Cina dan bukan bahasa kebangsaan. Pasukan Kerja MCA untuk Perancangan Pendidikan Tinggi ditubuhkan pada Mei 1968 bagi melaksanakan usul penubuhan institusi prauniversiti ini. Pada 14 Julai 1968, Kementerian Pendidikan meluluskan usul ini. Institusi ini dikenali sebagai Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR). Pada April 1969, seramai 1,200 orang pelajar diterima masuk ke kolej ini. Khir Johari memuji tindakan MCA yang akur dengan dasar pendidikan negara. Sebenarnya, pandangan ini selaras dengan pendirian UMNO. MCA seterusnya memaklumkan kepada kesemua cawangan MCA mengenai penubuhan KTAR pada 11 Ogos 1968 dalam *MCA National Conference for Higher Education Planning*.<sup>71</sup>

## Kesimpulan

Hasil kajian mendapati strategi perjuangan MCA pada tahun 1958 hingga 1969 sememangnya dapat dicapai atau seiring dengan objektif MCA, iaitu untuk memelihara keharmonian kaum dan menjaga kepentingan masyarakat Cina. Memandangkan MCA mewakili masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia, jadi MCA perlu bertindak balas terhadap tuntutan masyarakat Cina. Hal ehwal pendidikan Cina merupakan isu utama yang dipandang berat oleh masyarakat Cina. Justeru, Lim Chong Eu, Presiden MCA yang kedua mengubah objektif Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina MCA (JPPCMCA) supaya bersesuaian dengan perkembangan pendidikan nasional. Selain itu, MCA turut melantik Jawatankuasa Budaya dan Pendidikan MCA serta Jawatankuasa Kecil Politik, Organisasi dan Pilihan Raya untuk menguruskan hal ehwal pendidikan Cina. Lim Chong Eu turut membuat keputusan bahawa pendidikan Cina merupakan salah satu unsur kepelbagaian budaya Persekutuan Tanah Melayu. Keputusan MCA ini disambut baik oleh golongan pendidikan Cina. Dalam keadaan ini, masalah atau cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidikan Cina telah diuruskan baik oleh MCA melalui usaha Lim Chong Eu. Bagaimanapun, pendirian MCA yang pro-golongan pendidikan Cina menimbulkan perasaan tidak puas hati UMNO sehingga menyebabkan berlakunya perpecahan hubungan politik antara UMNO dan MCA pada tahun 1959. Akhirnya, Lim Chong Eu meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA pada Ogos 1959. Kemudian, Cheah Toon Lok mengambil alih kepimpinan MCA pada Ogos 1959.

Dalam tempoh kepimpinan Cheah Toon Lok, MCA tidak dapat menyokong tuntutan golongan masyarakat Cina dengan sepenuhnya terhadap kandungan Laporan Semakan Pendidikan 1960. MCA cuma dapat mengekalkan sistem sekolah rendah Cina sedia ada. Sebaliknya, sistem sekolah menengah Cina perlu ditukar corak menjadi sekolah menengah kebangsaan dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti yang terkandung dalam Laporan Semakan Pendidikan 1960. Tujuan MCA berbuat demikian adalah untuk menyokong dasar pendidikan nasional untuk negara baharu. Perkembangan ini menunjukkan MCA cuba

mengimbangkan tuntutan golongan pendidikan Cina dengan UMNO seperti yang termaktub dalam Perlembagaan MCA. Bagaimanapun, pendirian MCA mengecewakan golongan pendidikan Cina kerana MCA tidak mempertahankan sistem sekolah menengah Cina ketika itu.

Seterusnya, strategi perjuangan MCA di bawah pimpinan Tan Siew Sin, Presiden MCA keempat turut mengutamakan pendirian UMNO dan menjaga kepentingan masyarakat Cina selagi tidak bertentangan dengan pendirian UMNO. Dalam hal pelaksanaan kurikulum Sistem Sekolah Aneka Jurusan, MCA cuma memberi perhatian dengan memastikan pelaksanaan tempoh masa penggunaan bahasa Cina selama satu pertiga daripada jumlah masa pengajaran dalam kelas. Keputusan MCA ini tidak sejajar dengan tuntutan golongan pendidikan Cina yang menuntut bahasa Cina sebagai salah satu bahasa kebangsaan. Begitu juga dengan isu penubuhan Universiti Merdeka yang dituntut oleh golongan pendidikan Cina turut tidak disokong oleh MCA kerana ia bercanggah dengan dasar pendidikan kebangsaan dan pendirian UMNO. Justeru, MCA membantu menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) sebagai alternatif untuk tuntutan penubuhan Universiti Merdeka oleh masyarakat Cina. Namun begitu, usaha ini tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat Cina. Dapat disimpulkan bahawa sesungguhnya MCA memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia, tetapi pada masa yang sama, MCA perlu memastikan strategi perjuangannya dapat mengimbangkan antara pendirian UMNO dan tuntutan masyarakat Cina. Pendirian MCA sebegini juga terikat kepada objektif Perlembagaan MCA, iaitu menjaga keharmonian kaum dan menjaga kepentingan masyarakat Cina.

## Penghargaan

Penulis ingin memberikan penghargaan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya di atas sokongan dan dorongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

---

### Biodata

\*Lua Zyn Lan ([zynlan2605@gmail.com](mailto:zynlan2605@gmail.com)) (corresponding author) merupakan calon Ph.D di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

\*\* Dr. Sivachandralingam Sundara Raja ([siva@um.edu.my](mailto:siva@um.edu.my)) merupakan mantan Profesor di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

\*\*\*Dr. Noraini Mohamed Hassan ([ainnorima@um.edu.my](mailto:ainnorima@um.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Received: 3 April 2024

Reviewed: 15 May 2024

Accepted: 30 June 2024

### Nota

<sup>1</sup> Nama asal MCA pada tahun 1949 adalah *Malayan Chinese Association* tetapi ditukar menjadi *Malaysian Chinese Association* pada tahun 1963.

<sup>2</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 15-17.

<sup>3</sup> Enam belas orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif Persekutuan adalah Tan Siew Sin, Leong Yew Koh, H. S. Lee, Yong Shook Lin, Khoo Teik Ee, Dr. Lee Tiang Keng, Ee Yew Kim, Toh Eng Hoe, Khoo Khooon Huat, Leung Cheung Ling, Ng Sui Cam, B. H. Oon, Woo Ka Lim, Lim Khye Seng, Lee Woon Mun dan Kiew Kwong Hon.

<sup>4</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 146-147.

<sup>5</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 28 Februari 1949, hlm. 7.

<sup>6</sup> Perlembagaan MCA Tahun 1949, hlm. 1; Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 148.

<sup>7</sup> Ucapan Tan Cheng Lock, bertarikh 30 Oktober 1949, hlm. 4, Surat Persendirian Tan Cheng Lock selanjutnya SP13/H/23; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 Jun 1953, hlm. 10-11; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 2, 28 Jun 1953, hlm. 12; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 3, 15 Julai 1953, hlm. 10; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 4, 31 Julai 1953, hlm. 12; *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 5, 15 Ogos 1953, hlm. 8.

<sup>8</sup> *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 Jun 1953, hlm. 10-11; Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia, A History of the Malaysian Chinese Association*, Singapura: Oxford University Press, 1988, hlm. 113-114.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 120; Leon Comber, *Templer and the Road to Malayan Independence, The Man and His Time*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2015, hlm. 122; *Consolidated Home Guard Strength Return of Straits Settlements for the Month of November, 1952* dalam CO1022/35.

<sup>10</sup> UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 untuk menjaga kepentingan masyarakat Melayu.

<sup>11</sup> Minit Mesyuarat Perwakilan UMNO dan MCA Tidak Rasmi Pertama, 3 Februari 1953, hlm. 3, Folio HSL073/73.3/69, ISEAS; *The China Press*, 4 Februari 1953, hlm. 3; Fail MCA [tidak bernombor], "Legislative Assembly Constitutions and Election Proposals", Ibu Pejabat MCA; Fail MCA [tidak bernombor], "Executive Council Constitution and Elections Proposal"; Minit Mesyuarat Perwakilan UMNO dan MCA Tidak Rasmi Keempat, 16 Mac 1953, hlm. 2-3, Folio HSL073/73.3/50-51, ISEAS; Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia, A History of the Malaysian Chinese Association*, hlm. 188-189.

<sup>12</sup> Kenyataan Perikatan UMNO-MCA, 13 Jun 1954 dalam CO1030/310(43); Joseph M. Fernando, *The Alliance Road to Independence*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 52-53.

<sup>13</sup> Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 155-158; Mok Soon Sang, *History of Education in Malaysia 1415-2015 and Development of Chinese Education*, Selangor: New Era University College, 2017, hlm. 68.

<sup>14</sup> *Report to the Alliance National Executive Committee*, Folio 5.7, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Memorandum on Finance and Economic Politics by Colonial H.S.Lee, "The Road Ahead"*, Folio 5.40, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Alliance Policy Memorandum on Education by Leung Cheung Ling*, Folio 5.19, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Memorandum by Tan Siew Sin, The Consequences of the Alliance Assuming Responsibility Without Financial and Economics Powers*, Folio 5.31, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Housing and Town Planning in the Federation by Ong Yoke Lin*, Folio 5.27, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Memorandum on the Cost of the Emergency in Federation by Dato Sir Cheng-lock Tan*, Folio 5.32a, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Alliance Platform Sub-Committee, Memo on Politics, Position of Rulers Under New State Constitution, Malayanisation of the Government Services and Question of Citizenship by Tunku Abdul Rahman*, Folio 5.11, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Memorandum by the Hon'ble Dato Razak bin Hussein for Alliance Roundtable, Administration*, Folio 5.32b, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Local Government*, Folio 5.33, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Platform Memorandum on Agricultural Policy*, Folio 5.20, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Platform Memorandum on Land Policy*, Folio 5.21, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Platform of the UMNO-MCA Alliance, Medical and Health (redraft) by Dr. Ismail bin Abdul Rahman*, Folio 5.17, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

<sup>15</sup> MIC menyertai Perikatan pada tahun 1954.

<sup>16</sup> Minit Mesyuarat MCA Central Committee, 26 Ogos 1956, hlm. 23-26 dalam Fail MCA, PH/C/031, Minutes of the Central Committee Meeting on 26 Ogos 1956 dan 16 September 1956; Fernando, Joseph M. *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2002, hlm. 82.

<sup>17</sup> *The Straits Times*, 24 Mac 1958, hlm. 1-2.

<sup>18</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 20 April 1958, hlm. 6 dalam Fail MCA [tidak bernombor]; *The China Press*, 21 September 1958, hlm. 3; *The China Press*, 27 April 1959, hlm. 3.

<sup>19</sup> Objektif asal penubuhan JPPCMCA adalah untuk membantah pelaksanaan Ordinan Pendidikan 1952.

<sup>20</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 20 April 1958, hlm. 6 dalam Fail MCA [tidak bernombor].

<sup>21</sup> Peristiwa ini berlaku apabila kerajaan mengumumkan pada 21 Mei 1956 untuk melaksanakan peperiksaan awam LCE pada November 1956 dengan menggunakan bahasa Inggeris. Lee Ting Hui, *Chinese Schools in Peninsular Malaysia, The Struggle for Survival*, Singapura: ISEAS Publishing, 2011, hlm. 89.

<sup>22</sup> *The China Press*, 21 September 1958, hlm. 3.

<sup>23</sup> *The China Press*, 27 April 1959, hlm. 3.

- <sup>24</sup> Ibid., *The China Press*, 21 September 1958, hlm. 3.
- <sup>25</sup> Ibid.
- <sup>26</sup> Ibid., *The China Press*, 27 April 1959, hlm. 3.
- <sup>27</sup> Ibid.
- <sup>28</sup> *The China Press*, 25 September 1958, hlm. 4.
- <sup>29</sup> *Nanyang Siang Pau*, 29 September 1958, hlm. 5.
- <sup>30</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perikatan, 29 Disember 1958, hlm. 2 dalam Surat Persendirian H.S. Lee, Folio 1(a), 1.6, ISEAS, Singapura.
- <sup>31</sup> *The China Press*, 21 September 1958, hlm. 3; *The China Press*, 27 April 1959, hlm. 3; Perlembagaan MCA Tahun 1959, hlm. 2.
- <sup>32</sup> *The China Press*, 21 Disember 1958, hlm. 4.
- <sup>33</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 25 September 1960, hlm. 14; *Sin Chew Jit Poh*, 30 September 1960, hlm. 13.
- <sup>34</sup> Nota mesyuarat *Members of the MCA Central Working Committee, and Representatives of the United Chinese School Committees' Association and the United Chinese School Teachers' Association*, 16 Disember 1960 yang dilampirkan dalam surat Setiausaha Jawatankuasa Ibu Pejabat MCA kepada Setiausaha Menteri Pendidikan, 2 Mac 1961, No. Rujukan Surat, P.145/61/TJL/C dalam Fail MCA, [tidak bernombor], *Education Sub-Committee 1960; The China Press*, 25 Mac 1961, hlm. 3.
- <sup>35</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 19 April 1961, hlm. 1-2; *The China Press*, 25 Mac 1961, hlm. 3; Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, *Terbitan Cenderamata Sempena Ulangtahun ke-33 Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia*, 25 Disember 1951-8 April 1985, hlm. 246; *The China Press*, 28 Mac 1961, hlm. 3; Ucapan siaran radio Lee San Choon pada 2 Julai 1961, dalam Fail MCA, [tidak bernombor], *Education Sub-Committee 1960; Kwong Wah Yit Poh and Penang Sin Poe*, 4 Julai 1961, hlm. 5 dan *Kwong Wah Yit Poh and Penang Sin Poe*, 10 Julai 1961, hlm. 5.
- <sup>36</sup> Minit Mesyuarat antara MCA dan SMJK, 18 Ogos 1962, hlm. 21-22, Lampiran A, *List of Fully Assisted National Type Secondary Schools as on 31 May 1962*, dalam Fail MCA No., 11 Part 2, *National Type Secondary Joint Meeting on 18 August 1962*.
- <sup>37</sup> *Laporan Tahunan MCA 1962*, hlm. 1 dan 3.
- <sup>38</sup> Ibid.
- <sup>39</sup> *The China Press*, 11 Oktober 1962, hlm. 4; Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification in the Malaysian Region, 1945-65*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, hlm. 155-156.
- <sup>40</sup> *Laporan Tahunan MCA 1961-1962*, hlm. 12; R.S. Milne dan K.J. Ratnam, *Malaysia-New States in a New Nation, Political Development of Sabah and Sabah in Malaysia*, London: Frank Cass and Company Limited, 1974, hlm. 156; James P. Ongkili, *Modernization in East Malaysia, 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 54-55; *The China Press*, 17 Oktober 1962, hlm. 4; R.S. Milne dan K.J. Ratnam, *Malaysia-New States in a New Nation, Political Development of Sabah and Sabah in Malaysia*, hlm 153-154; *The China Press*, 18 Oktober 1962, hlm. 3.
- <sup>41</sup> Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 376.
- <sup>42</sup> *Laporan Tahunan MCA 1962*, hlm. 4; *Sin Chew Jit Poh*, 11 November 1963, hlm. 9.
- <sup>43</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 19 Oktober 1963, hlm. 14; *The China Press*, 2 April 1964, hlm. 7.
- <sup>44</sup> *The China Press*, 7 April 1964, hlm. 6; *The China Press*, 10 April 1964, hlm. 6; *The Straits Times*, 31 Mac 1964, hlm. 22; *The China Press*, 4 April 1964, hlm. 8; *The Malay Mail*, 9 April 1964, hlm. 7; *The China Press*, 11 April 1964, hlm. 7; Chong Siou Wei, 'A Study of the Malaysian Chinese Association and Impact on the Chinese Society in Malaysia', Disertasi Sarjana, National Central University, Taiwan, 1998, hlm. 77; Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, London: University of London Press, Ltd, 1970, hm. 337-338.
- <sup>45</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, Kuala Lumpur: The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia, 2003, hlm. 9.
- <sup>46</sup> Minit Mesyuarat *Central General Assembly MCA*, 20-21 Februari 1965.
- <sup>47</sup> *The China Press*, 24 Januari 1965, hlm. 3.
- <sup>48</sup> Ibid.
- <sup>49</sup> Ibid.
- <sup>50</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 121-126.
- <sup>51</sup> Ibid., hlm. 122; Kenyataan Presiden MCA, Tan Siew Sin kepada Ahli-Ahli MCA, Versi Cina, 2 Ogos 1965, dalam Fail MCA, [tidak bernombor], "CWC"; *The China Press*, 2 Ogos 1965, hlm. 3.
- <sup>52</sup> Minit Mesyuarat Tergempar JKPMCA, 3 Ogos 1965, hlm. 2, dalam Fail MCA, [tidak bernombor], "CWC"; *Laporan Tahunan MCA 1965*, hlm. 5; *The China Press*, 4 Ogos 1965, hlm. 8; Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 123; Chong Siou Wei, 'A Study of the Malaysian Chinese Association and Impact on the Chinese Society in Malaysia', hlm. 159.

<sup>53</sup> *Nanyang Siang Pau*, 25 September 1965, hlm. 5; Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 128.

<sup>54</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 122.

<sup>55</sup> BBBK ditubuhkan oleh Syed Nasir bin Syed Ismail dan terdiri daripada ahli-ahli UMNO yang bekerjasama dengan PAS dan pemimpin-pemimpin pelajar Melayu.

<sup>56</sup> Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia, 1960-1982*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005, hlm. 144-145.

<sup>57</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 132-134.

<sup>58</sup> *Ibid.*, hlm. 136.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Ibid.*, hlm. 136-137.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 137.

<sup>62</sup> Sim Mow Yu juga merupakan pemimpin MCA.

<sup>63</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 138.

<sup>64</sup> Minit Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 18 Oktober 1966, hlm. 3-5; Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 139-140.

<sup>65</sup> Perlembagaan MCA Tahun 1967, hlm. 3.

<sup>66</sup> *The Guardian*, Januari 1967, hlm. 1.

<sup>67</sup> *The Guardian*, Versi Cina, Julai 1967, hlm. 1; *The Guardian*, Versi Cina, Ogos 1967, hlm. 1; *The Guardian*, Versi Cina, Oktober 1967, Jilid Khas, hlm. 1.

<sup>68</sup> Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia, 1960-1982*, hlm. 171-172.

<sup>69</sup> Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia*, Vol. 4, hlm. 172-176.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 177.

<sup>71</sup> *Ibid.*, hlm. 176-181; *Laporan Tahunan MCA 1968*, hlm. 5-6; Surat Secretary General MCA kepada Chairman/Hon. Secretary of MCA State, Divisional and Ward Branches, 24 July 1968, hlm. 1; Statement by Mr. Khaw Kai-Boh, the Chairman of the MCA Working Team for Higher Education Planning, hlm. 1; *Malaysian Chinese Association, Maju Seiring Zaman*, Kuala Lumpur: Malaysian Chinese Association, 2004, hlm. 104; Surat Acting President MCA kepada all MCA CGA Delegates, all MCA Council of Elders, all Members of Parliament and State Assemblymen, all MCA Chairmen/Hon. Secretaries of all MCA Branches, 7 Ogos 1968.

## Rujukan

*Alliance Platform Sub-Committee, Memo on Politics, Position of Rulers Under New State Constitution, Malayanisation of the Government Services and Question of Citizenship by Tunku Abdul Rahman*, Folio 5.11, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

*Alliance Policy Memorandum on Education by Leung Cheung Ling*, Folio 5.19, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

Chong Siou Wei, 'A Study of the Malaysian Chinese Association and Impact on the Chinese Society in Malaysia', Disertasi Sarjana, National Central University, Taiwan, 1998.

*Consolidated Home Guard Strength Return of Straits Settlements for the Month of November, 1952* dalam CO1022/35.

Fail MCA [tidak bernombor], "Executive Council Constitution and Elections Proposal".

Fail MCA [tidak bernombor], "Legislative Assembly Constitutions and Election Proposals", Ibu Pejabat MCA.

Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, *Terbitan Cenderamata Sempena Ulangtahun ke-33 Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia*, 25 Disember 1951-8 April 1985, Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia, 1987.

Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia, A History of the Malaysian Chinese Association*, Singapura: Oxford University Press, 1988.

Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.

*Housing and Town Planning in the Federation by Ong Yoke Lin*, Folio 5.27, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

Fernando, Joseph M., *The Alliance Road to Independence*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.

Fernando, Joseph M., *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 2002.

Kenyataan Perikatan UMNO-MCA, 13 Jun 1954 dalam CO1030/310(43).

Kenyataan Presiden MCA, Tan Siew Sin kepada Ahli-Ahli MCA, Versi Cina, 2 Ogos 1965, dalam Fail MCA, [tidak bernombor], "CWC"; *The China Press*, 2 Ogos 1965.

*Kwong Wah Yit Poh and Penang Sin Poe*, 4 Julai 1961; 10 Julai 1961.

*Laporan Tahunan MCA 1961, 1962, 1965 dan 1968*.

Comber, Leon, *Templer and the Road to Malayan Independence, The Man and His Time*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2015.

Lee Ting Hui, *Chinese Schools in Penisular Malaysia, The Struggle for Survival*, Singapura: ISEAS Publishing, 2011,

*Malay Mail*, 9 April 1964.

*Malayan Mirror*, 14 Jun 1953; 28 Jun 1953; 15 Julai 1953; 31 Julai 1953; 15 Ogos 1953.

Means, Gordon P., *Malaysian Politics*, London: University of London Press, Ltd., 1970.

*Memorandum by Tan Siew Sin, The Consequences of the Alliance Assuming Responsibility Without Financial and Economics Powers*, Folio 5.31, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

*Memorandum by the Hon'ble Dato Razak bin Hussein for Alliance Roundtable, Administration*, Folio 5.32b, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Local Government*, Folio 5.33, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.



*Memorandum on the Cost of the Emergency in Federation by Dato Sir Cheng-lock Tan*, Folio 5.32a, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

*Malaysian Chinese Association, Maju Seiring Zaman, Kuala Lumpur: Malaysian Chinese Association, 2004.*

Milne, R.S. dan Ratnam, K.J., *Malaysia-New States in a New Nation, Political Development of Sabah and Sabah in Malaysia*, London: Frank Cass and Company Limited, 1974.

Minit Mesyuarat antara MCA dan SMJK, 18 Ogos 1962, hlm. 21-22, Lampiran A, *List of Fully Assisted National Type Secondary Schools as on 31 May 1962*, dalam Fail MCA No., 11 Part 2, *National Type Secondary Joint Meeting on 18 August 1962*.

Minit Mesyuarat *Central General Assembly MCA*, 20-21 Februari 1965.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perikatan, 29 Disember 1958 dalam Surat Persendirian H.S. Lee, Folio 1(a), 1.6, ISEAS, Singapura.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 19 April 1961.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 20 April 1958 dalam Fail MCA [tidak bernombor].

Minit Mesyuarat *MCA Central Committee*, 26 Ogos 1956 dalam Fail MCA, PH/C/031, *Minutes of the Central Committee Meeting on 26 Ogos 1956 dan 16 September 1956*.

Minit Mesyuarat Perwakilan UMNO dan MCA Tidak Rasmi Pertama, 3 Februari 1953, Folio HSL073/73.3/69, ISEAS.

Minit Mesyuarat Perwakilan UMNO dan MCA Tidak Rasmi Keempat, 16 Mac 1953, Folio HSL073/73.3/50-51, ISEAS.

Minit Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 18 Oktober 1966.

Minit Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, 3 Ogos 1965, hlm. 2, dalam Fail MCA, [tidak bernombor], "CWC".

Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification in the Malaysian Region, 1945-65*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974.

Mok Soon Sang, *History of Education in Malaysia 1415-2015 and Development of Chinese Education*, Selangor: New Era University College, 2017.

*Nanyang Siang Pau*, 2 September 1958; 25 September 1965.

Nota mesyuarat *Members of the MCA Central Working Committee, and Representatives of the United Chinese School Committees' Association and the United Chinese School Teachers' Association*, 16 Disember 1960 yang dilampirkan dalam surat Setiausaha Jawatankuasa Ibu

Pejabat MCA kepada Setiausaha Menteri Pendidikan, 2 Mac 1961, No. Rujukan Surat, P.145/61/TJL/C dalam Fail MCA, [tidak bernombor], *Education Sub-Committee 1960*.

Ongkili, James P., *Modernization in East Malaysia, 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.

Perlembagaan MCA Tahun 1949, 1959 dan 1967.

*Platform Memorandum on Agricultural Policy*, Folio 5.20, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

*Platform Memorandum on Land Policy*, Folio 5.21, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Platform of the UMNO-MCA Alliance, Medical and Health (redraft) by Dr. Ismail bin Abdul Rahman*, Folio 5.17, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

*Report to the Alliance National Executive Committee*, Folio 5.7, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura; *Memorandum on Finance and Economic Politics by Colonial H.S.Lee, "The Road Ahead"*, Folio 5.40, Surat Persendirian H.S.Lee, ISEAS, Singapura.

Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

*Sin Chew Jit Poh*, 28 Februari 1949; 25 September 1960; 30 September 1960; 19 Oktober 1963; 11 November 1963.

Statement by Mr. Khaw Kai-Boh, the Chairman of the MCA Working Team for Higher Education Planning.

Surat Acting President MCA kepada all MCA CGA Delegates, all MCA Council of Elders, all Members of Parliament and State Assemblymen, all MCA Chairmen/Hon. Secretaries of all MCA Branches, 7 Ogos 1968.

Surat Persendirian Tan Cheng Lock, SP13/H/23.

Surat Secretary General MCA kepada Chairman/ Hon. Secretary of MCA State, Divisional and Ward Branches, 24 July 1968.

Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

Tan Yao Sua, *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia, 1960-1982*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2005.

Tay Lian Soo, *Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina Malaysia (Ma Lai Xi Ya Hua Wen Jiao Yu Fa Zhan Shi)*, Vol. 4, Kuala Lumpur: The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia, 2003.

*The China Press*, 21 September 1958; 25 September 1958; 21 Disember 1958; 27 April 1959; 21 September 1959; 25 Mac 1961; 28 Mac 1961; 11 Oktober 1962; 17 Oktober 1962; 18

Oktober 1962; 2 April 1964; 4 April 1964; 7 April 1964; 10 April 1964; 11 April 1964; 24 Januari 1965; 2 Ogos 1965; 4 Ogos 1965.

*The Guardian*, Januari 1967.

*The Guardian* Versi Cina, Julai 1967; Ogos 1967; Oktober 1967.

*The Straits Times*, 24 Mac 1958; 31 Mac 1964.

Ucapan siaran radio Lee San Choon pada 2 Julai 1961, dalam Fail MCA, [tidak bernombor],  
*Education Sub-Committee 1960*

Ucapan Tan Cheng Lock, bertarikh 30 Oktober 1949.

Ucapan siaran radio Lee San Choon pada 2 Julai 1961, dalam Fail MCA, [tidak bernombor],  
*Education Sub-Committee 1960*.